

BAB VI

KESIMPULAN

Sebelum penghujung abad ke-19, petempatan kampung-kampung air merupakan kesultanan-kesultanan maritim yang agung di rantau Asia Tenggara. Antaranya termasuklah Kesultanan Maguindanao, Kesultanan Ternate, Kesultanan Makassar, Kesultanan Cotabato, Kesultanan Mempawah, Kesultanan Sambas, Kesultanan Pontianak, Kesultanan Ketapang, Kesultanan Banjarmasin, Kesultanan Samarinda, Kesultanan Sulu dan Kesultanan Brunei. Sebilangan besar kesultanan tersebut merupakan Kesultanan Melayu yang berpangkalan di pulau-pulau dan muara-muara sungai. Kesultanan-kesultanan Melayu ini mentadbir, mengurus dan mengawal aktiviti politik, ekonomi serta sosial masing-masing berpusat di kota-kota yang didirikan di atas air. Hal ini dapat dilihat kepada Kesultanan Brunei yang mendirikan pusat pemerintahan mereka di KABD pada abad ke-17 hingga awal abad ke-20.

Tampuk pemerintahan Kesultanan Brunei yang berpusat di KABD telah berjaya meluaskan empayar ke sebahagian besar kawasan Pulau Borneo termasuk Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. KABD selain berfungsi sebagai pusat pentadbiran, ia juga berfungsi sebagai pelabuhan penting Kesultanan Brunei. Perdagangan Kesultanan Brunei telah dijalankan di peringkat

tempatan dan juga peringkat antarabangsa. Berasaskan sumber perikanan, pertanian, sumber hutan dan barang pembuatan, Kesultanan Brunei berjaya menarik hati pedagang-pedagang dari benua China, India, Timur Tengah dan negara-negara Eropah untuk berdagang di KABD. Pertemuan di antara pedagang-pedagang dan barang-barang dagangan dari setiap pelusuk dunia telah memakmurkan Kesultanan Brunei sehingga menjadi sebuah *regional emporium* di rantau ini.

Sebagai sebuah pusat pentadbiran dan pelabuhan penting, KABD merupakan kawasan petempatan masyarakat Melayu Brunei yang terbesar di Kesultanan Brunei. Masyarakat Melayu Brunei di KABD ini mempunyai hubungan dalam aspek ekonomi dan sosial dengan masyarakat Melayu Brunei yang mendiami kampung-kampung air di daerah Limbang. Pada zaman keagungan Kesultanan Brunei, kampung-kampung air di daerah Limbang adalah wilayah yang dikuasai Sultan Brunei. Masyarakat Melayu Brunei di kedua petempatan kampung air di atas telah menjalinkan hubungan 'pusat-pinggir'.

Kampung-kampung air di daerah Limbang menjadi pembekal penting sumber perikanan, hasil pertanian dan hasil hutan kepada Kesultanan Brunei. Orang-orang Melayu Brunei di daerah Limbang seperti juga orang-orang Melayu Brunei di KABD, mereka mempunyai kemahiran menghasilkan barang-barang pertukangan dan kraftangan.

Produk-produk perikanan, pertanian, hasil hutan dan barang-barang pertukangan tangan yang dihasilkan oleh orang-orang Melayu Brunei di kampung-kampung air daerah Limbang didagangkan ke KABD melalui orang tengah yang datang ke kampung-kampung air tersebut. Ini menunjukkan hubungan perdagangan yang dijalankan oleh orang-orang Melayu Brunei di kampung-kampung air daerah Limbang dengan orang-orang Melayu Brunei KABD pada masa kini adalah kesinambungan hubungan perdagangan yang telah berlaku sejak sekian lama.

Perdagangan di KABD dikawal selia oleh golongan bangsawan Melayu Brunei yang mentadbir Kesultanan Brunei. Para pembesar Kesultanan Brunei berperanan memastikan segala cukai yang dibayar oleh golongan pedagang dan rakyat masuk ke perbendaharaan Sultan Brunei. Ini menunjukkan hubungan perdagangan di antara orang-orang Melayu Brunei di kampung-kampung air daerah Limbang dengan KABD pada masa tersebut telah mempunyai sistem yang ditetapkan oleh pihak pemerintah.

Kelemahan pentadbiran Kesultanan Brunei pada abad ke-19, membolehkan kuasa-kuasa Barat yang pada mulanya datang untuk berdagang di KABD menyerang dan menjajah Kesultanan Brunei. Wilayah-wilayah taklukan Kesultanan Brunei satu demi satu telah jatuh ke tangan pihak Inggeris. Pihak Inggeris telah membahagi-bahagikan kawasan jajahan takluk mereka dengan membuat penetapan sempadan wilayah masing-masing. Penetapan sempadan

wilayah yang dibuat oleh pihak Inggeris telah memisahkan kampung-kampung air di daerah Limbang dengan KABD.

Pentadbiran Inggeris yang memberi pemberatan kepada ekonomi yang berteraskan tanah daratan untuk mengeksploitasi bahan mentah demi memenuhi keperluan revolusi industri di barat telah menyebabkan ekonomi masyarakat kampung air yang berasaskan sumber laut terus mundur. Kampung-kampung air di daerah Limbang tidak gemilang sebagaimana di zaman Kesultanan Brunei. Kampung-kampung air tersebut akhirnya menjadi petempatan 'terpinggir' sebagaimana yang dapat dilihat pada masa kini di wilayah-wilayah bekas Kesultanan Brunei seperti Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah.

Kampung-kampung air di negeri-negeri di atas dianggap sebagai petempatan setingan yang tidak dapat dimajukan. Ini kerana pihak pemerintah sekarang, juga tidak berhasrat untuk memajukan petempatan tersebut. Di daerah Limbang, satu perkara yang jelas adalah kampung-kampung air menjadi tempat tinggal sebilangan besar orang-orang Melayu Brunei yang terlibat dengan 'ekonomi pinggir'.

Kajian ini mendapati walaupun negara telah diberi sempadan tetapi manusia tetap mempunyai hubungan. Keadaan ini jelas dapat dilihat kepada apa yang berlaku di kampung air KSK. Penduduk KSK yang hampir keseluruhannya terdiri daripada suku kaum Melayu Brunei mempunyai hubungan rapat dari segi sejarah, petempatan, ekonomi dan sosial dengan orang-orang Melayu Brunei di

KABD. Hubungan orang-orang Melayu Brunei KSK dengan orang-orang Melayu Brunei KABD membuktikan bahawa sempadan hanya dapat memisahkan kawasan tetapi tidak memutuskan hubungan yang terjalin kerana persaudaraan. Kedudukan KABD dan KSK yang sangat berdekatan menyebabkan penduduk di kedua kampung air itu sering berulang-alik untuk mengunjungi di antara satu sama lain.

Keakraban ini menyebabkan bentuk rumah-rumah di kedua-dua kampung air tersebut hampir sama atau sama. Hal ini terjadi kerana kedua penduduk di kampung air tersebut mempunyai hubungan 'pusat-pinggir'. Dalam hal ini, KABD dianggap sebagai pusat kerana terletak di Bandar Seri Begawan, manakala KSK adalah kawasan pinggir kerana terletak di Bandar Limbang yang merupakan bandar sempadan. Perkembangan yang berlaku di KABD sentiasa diikuti oleh penduduk KSK termasuklah aspek pembinaan rumah.

Satu perkara yang jelas, penduduk di kedua petempatan kampung air di atas berpegang kepada adat dan kepercayaan yang sama ketika mendirikan rumah. Berpegang kepada adat dan kepercayaan yang sama menyebabkan bentuk rumah orang-orang Melayu Brunei KSK dengan KABD mempunyai ciri-ciri fizikal yang serupa khususnya dari segi bahan binaan, saiz, senibina dan rekabentuk rumah.

Semasa membina rumah orang-orang Melayu Brunei KSK masih mengekalkan konsep gotong-royong di kalangan ahli keluarga dan jiran tetangga. Dalam upacara ini, saudara-mara dari

KABD tidak ketinggalan dalam menyumbang tenaga, buah fikiran atau material. Satu perkara yang jelas budaya kesepakatan dalam membina rumah masih wujud dan tradisi ini amat baik serta perlu diketengahkan. Hal ini sebenarnya turut mempengaruhi aspek fizikal rumah-rumah orang Melayu Brunei KSK yang menyerupai rumah-rumah tradisi di KABD.

Orang-orang Melayu Brunei KSK gemar melengkapi rumah mereka dengan perabot yang cantik dan berharga mahal. Ini merupakan pengaruh rumah-rumah KABD yang jelas kelihatan dalam rumah orang-orang Melayu Brunei KSK. Kelengkapan dalam rumah melambangkan status hidup seseorang. Bagi orang-orang Melayu Brunei memiliki perabot dan peralatan rumah yang mewah adalah satu kemestian.

Diteliti dari aspek fizikal rumah orang-orang Melayu Brunei KSK keseluruhannya telah menggunakan bahan binaan moden dari kilang. Fenomena ini menggambarkan taraf hidup orang-orang Melayu Brunei KSK adalah setanding dengan saudara-mara mereka yang tinggal di KABD. Saiz rumah orang-orang Melayu Brunei KSK bukan sahaja melambangkan kemampuan pemiliknya tetapi mengambilkira keperluan ketika mengadakan majlis-majlis tertentu yang turut dihadiri oleh saudara-mara mereka dari KABD.

Saiz rumah yang luas juga disebabkan oleh kehidupan orang-orang Melayu Brunei mengamalkan keluarga besar. Bilangan keluarga dalam rumah dapat ditentukan dengan melihat bilangan bilik

dalam rumah. Selain itu, amalan orang-orang Melayu Brunei mengingati di rumah saudara-mara semasa berziarah juga mempengaruhi saiz rumah. Ini kerana rumah bukan sahaja mempunyai saiz ruang tamu dan ruang tengah yang luas tetapi memiliki sekurang-kurangnya sebuah bilik tetamu.

Rekabentuk rumah orang Melayu Brunei KSK turut menampakkan pengaruh rumah-rumah tradisi masyarakat Melayu Brunei KABD yang sangat jelas. Rumah-rumah lama memperlihatkan rekabentuk asli rumah-rumah tradisi KABD. Rekabentuk rumah-rumah baru juga masih menampakkan rekabentuk rumah tradisi KABD tetapi pengaruh rekabentuk rumah moden juga kelihatan. Rekabentuk rumah moden di KSK turut memperlihatkan persamaan dengan rekabentuk rumah moden yang terdapat di KABD.

Persamaan aspek fizikal rumah di kedua kampung air di atas turut kelihatan pada senibina rumah. Rumah-rumah di KSK mengekalkan kesenian dan kehalusan ukiran-ukiran pada bahagian-bahagian tertentu khususnya serambi dan tingkap rumah. Keaslian senibina rumah-rumah Melayu Brunei di KSK dapat dilihat melalui pengekalan ciri-ciri senibina Islam. Sebagaimana kebanyakan rumah-rumah di KABD, perhiasan rumah yang terdapat pada rumah-rumah di KSK memperlihatkan pengaruh dan citarasa moden barat. Fenomena ini berkait rapat dengan taraf ekonomi penduduk KSK yang ada hubungannya dengan Negara Brunei Darussalam.

Ekonomi Negara Brunei Darussalam yang memberi keutamaan kepada industri berasaskan perlombongan petroleum dan gas asli telah menyebabkan negara itu menghadapi masalah kekurangan bekalan sumber perikanan dan sumber pertanian. Keadaan ini menyebabkan pengguna-pengguna Negara Brunei Darussalam mendapatkan bekalan kedua-dua sumber tersebut dari negeri-negeri jiran khususnya Limbang, Lawas, Miri, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah. Tindakan pengguna-pengguna dari Negara Brunei Darussalam telah memberi peluang kepada orang-orang Melayu Brunei di KSK melakukan aktiviti perikanan untuk tujuan komersil.

Untuk tujuan tersebut nelayan-nelayan di KSK telah menggunakan bot-bot perikanan berenjin dan peralatan perikanan yang dibuat daripada bahan-bahan dari kilang. Penggunaan peralatan tersebut membolehkan nelayan mendaratkan hasil tangkapan dalam kuantiti yang banyak khususnya udang siar hampir setiap hari. Hasil tangkapan yang banyak juga disebabkan oleh stok perikanan di perairan Teluk Brunei yang masih terkawal dan berada jauh di bawah tahap *Maximum Economic Yield*.

Nelayan-nelayan di KSK telah memperdagangkan sumber perikanan yang diperoleh kepada peraih-peraih yang datang dari KABD. Ini dilakukan bagi mendapatkan laba yang berlipat ganda dalam bentuk Dollar Brunei kerana pasaran setempat tidak menjanjikan pulangan yang tinggi. Urusan perdagangan sumber

perikanan di antara nelayan-nelayan KSK dengan peraih-peraih dari KABD telah dilakukan di tengah laut lagi. Dengan demikian aktiviti perdagangan sumber perikanan tersebut tidak dikenakan bayaran cukai import/eksport. Perkara ini amat merugikan pihak kerajaan sama ada di peringkat tempatan atau pusat. Sebaliknya memberi keuntungan kepada golongan nelayan dan lebih-lebih lagi kepada peraih-peraih dari KABD.

Peraih-peraih dari KABD telah mewujudkan hubungan 'pemodal-pengeluar'. bagi mendapatkan bekalan ikan yang berterusan. Untuk tujuan itu peraih-peraih tersebut telah menjual pukot dan minyak kepada nelayan dengan menawarkan harga yang lebih murah berbanding di daerah Limbang. Nelayan boleh mendapatkan kedua-dua barang tersebut dengan menolak pendapatan hasil jualan tangkapan yang diperolehi daripada peraih-peraih berkenaan. Dengan berbuat demikian keuntungan kedua-dua belah pihak juga bertambah kerana nelayan tidak mengeluarkan modal yang mahal untuk membeli pukot dan minyak manakala peraih sentiasa mendapat bekalan sumber perikanan yang diperlukan.

Selain di sektor perikanan, orang-orang Melayu Brunei KSK telah melibatkan diri dalam perniagaan di Pasar Tamu Limbang untuk mendapatkan keuntungan kesan permintaan tinggi daripada pengguna-pengguna Negara Brunei Darussalam. Orang-orang Melayu Brunei KSK telah melibatkan diri dalam jenis perniagaan yang digemari oleh pengguna-pengguna tersebut iaitu menjual barang makanan

mentah khususnya sumber perikanan dan sumber pertanian. Penglibatan orang-orang Melayu Brunei KSK dalam jenis perniagaan tersebut telah menggalakkan kedatangan pengguna-pengguna dari KABD untuk membeli-belah di Pasar Tamu Limbang. Ini kerana urusan jual beli lebih mudah dilakukan dengan menggunakan bahasa Brunei dan citarasa orang-orang Melayu Brunei KSK sama seperti orang-orang Melayu Brunei di KABD.

Orang-orang Melayu Brunei KSK, walaupun mereka berpeluang memperoleh pendapatan tinggi di sektor-sektor lain, mereka amat berminat bekerja di sektor kerajaan. Hal ini disebabkan mereka mempunyai tanggapan yang sama seperti orang-orang Melayu Brunei KABD iaitu bekerja kerajaan menjanjikan pendapatan yang tetap dan terjamin. Keistimewaan golongan kakitangan kerajaan di KSK adalah mereka terlibat dalam aktiviti menangkap ikan secara sambilan. Ini kerana mereka sebenarnya turut menerima keuntungan daripada pekerjaan sampingan tersebut. Oleh kerana mereka menangkap ikan pada hari tidak bekerja, nelayan sambilan menjual lebihan hasil tangkapan kepada peraih-peraih di Pasar Tamu Limbang. Kegiatan menangkap ikan secara sambilan digalakkan oleh permintaan peraih-peraih di Pasar Tamu Limbang yang membeli hasil tangkapan pada bila-bila masa secara tunai demi memenuhi permintaan pengguna-pengguna dari Negara Brunei Darussalam.

Sebagai sebuah bandar sempadan, Bandar Limbang mempunyai ciri-ciri seperti bandar-bandar sempadan lain di rantau

Asia Tenggara. Bandar Limbang yang sentiasa dikunjungi pengguna-pengguna dari Negara Brunei Darussalam telah berkembang dalam sektor perindustrian, perdagangan dan pelancongan. Dalam jangkamasa yang singkat Bandar Limbang telah mempunyai sebanyak sembilan buah bank dan syarikat kewangan, sebanyak 17 buah hotel, dan sebanyak 237 buah kedai yang terdiri daripada pelbagai jenis perniagaan termasuk syarikat-syarikat penukar wang, kedai-kedai emas, kedai-kedai elektrik, kedai-kedai perabot, pusat-pusat hiburan dan sebagainya. Kewujudan syarikat-syarikat dan kedai-kedai yang beroperasi di Bandar Limbang telah menarik orang-orang Melayu Brunei KSK untuk menjadi tenaga kerja.

Orang-orang Melayu Brunei KSK yang tidak melakukan pekerjaan di atas melibatkan diri dalam pekerjaan mengusahakan bot tambang. Pengusaha-pengusaha bot tambang menerima permintaan menggalakkan dari penduduk yang berulang-alik menyeberangi Sungai Limbang dan yang terlebih penting adalah kehadiran orang-orang Melayu Brunei yang berulang-alik dari KABD ke Bandar Limbang. Hal ini menyebabkan perkhidmatan bot tambang di KSK terbahagi kepada peringkat antarabangsa dan peringkat tempatan. Satu ciri yang jelas, penambang peringkat antarabangsa mempunyai lesen tetapi penambang peringkat tempatan tidak mempunyai lesen.

Bilangan penumpang yang berulang-alik dari Bandar Limbang ke KABD meningkat pada setiap hujung minggu. Ini mendorong pengusaha-pengusaha bot tambang peringkat tempatan

menawarkan perkhidmatan menghantar penumpang ke KABD. Penambang-penambang ini walaupun tidak memiliki lesen dan tidak membawa sebarang dokumen perjalanan mereka tidak menghadapi masalah yang rumit kerana penduduk di daerah Limbang mempunyai hubungan persaudaraan dengan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Hubungan persaudaraan yang terjalin di antara penduduk yang tinggal di kawasan sempadan menyebabkan undang-undang yang dikeluarkan oleh kerajaan-kerajaan negara terbabit sukar atau gagal dilaksanakan. Hal ini terbukti apabila pihak kerajaan menetapkan pos-pos imegresen dan pintu kawalan keluar-masuk negara yang diiktiraf untuk membolehkan penduduk di kedua buah negara berulang-alik dengan memiliki dokumen perjalanan yang sah, namun sebilangan besar orang-orang Melayu Brunei KSK dan orang-orang Melayu Brunei KABD berhubung menggunakan jalan air tanpa membawa sebarang dokumen perjalanan.

Sebilangan orang Melayu Brunei KSK masih mempunyai kemahiran tradisi masyarakat kampung air khususnya dalam membuat bot. Permintaan terhadap bot dari pengguna tempatan dan KABD khususnya mereka yang terlibat dalam sektor perikanan dan pengusaha-pengusaha bot tambang telah menghidupkan perusahaan tradisi tersebut. Bot-bot yang dihasilkan oleh tukang-tukang di KSK mendapat tempahan yang berterusan kerana ia turut digemari oleh penduduk KABD.

Hal di atas disebabkan oleh rekabentuk bot-bot buatan KSK sama seperti bot-bot yang dihasilkan oleh tukang-tukang dari KABD. Persefahaman yang terjalin di antara pembuat bot dan pelanggan-pelanggan mereka jelas kelihatan dalam urusan jual beli. Bayaran secara beransur-ansur memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak. Di pihak pembuat bot, bayaran pendahuluan merupakan modal. Ini menunjukkan dalam perusahaan membuat bot juga wujud hubungan 'pemodal-pengeluar'. Di pihak pelanggan, bayar secara beransur-ansur menjadi alat kawalan mutu kerana harga boleh dikurangkan sekiranya mereka tidak berpuas hati.

Kedudukan KSK yang berhampiran dengan Bandar Limbang telah menyebabkan sebilangan besar orang-orang Melayu Brunei tidak berminat untuk bekerja kebun. Hal ini terjadi kerana Bandar Limbang menyediakan banyak peluang perniagaan dan kerja makan gaji. Bagi orang-orang Melayu Brunei KSK yang bekerja kebun, mereka juga mempunyai hubungan dengan peraih-peraih dari KABD yang datang ke Pasar Tamu Limbang. Hubungan ini membolehkan mereka menjual hasil tanaman setiap kali musim menuai dengan harga yang tinggi secara tunai dan yang lebih penting pada bila-bila masa. Mereka yang bekerja kebun juga memperoleh pendapatan yang tinggi hasil hubungan ekonomi tersebut.

Satu perkara yang jelas, orang-orang Melayu Brunei KSK yang bekerja sebagai nelayan, peniaga, pengusaha bot tambang,

pembuat bot dan bekerja kebun mempunyai hubungan ekonomi secara langsung dengan orang-orang Melayu Brunei KABD.

Dari segi sosial, orang-orang Melayu Brunei KSK dan orang-orang Melayu Brunei KABD mengamalkan budaya dan cara hidup yang sama. Satu perkara yang jelas mereka mempunyai persamaan dari segi adat dan kepercayaan, bahasa, agama dan yang terlebih penting mempunyai citarasa yang sama. Ciri-ciri budaya yang sama menyebabkan orang-orang Melayu Brunei KSK berada pada identiti yang tidak jelas. Pada waktu biasa mereka adalah orang Limbang tetapi dalam hal-hal tertentu mereka menunjukkan ciri-ciri kebruneiannya. Orang-orang Melayu Brunei KSK secara rasmi adalah warganegara Malaysia tetapi budaya dan cara hidup mereka lebih mirip kepada orang-orang Melayu Brunei KABD.

Orang-orang Melayu Brunei di kedua kampung air di atas mempunyai hubungan persaudaraan yang terjalin melalui pertalian darah dan perkahwinan. Mereka saling ziarah menziarahi di antara satu sama lain. Amalan berziarah merupakan satu cara untuk menghormati saudara-mara bagi kedua-dua belah pihak. Dalam hal ini saudara-mara sentiasa diingati, dan sebagai tanda ingatan mereka sering memberi atau mengirim buah tangan. Mereka juga sering bertanya khabar berita dengan menggunakan telefon, surat-menyurat atau melalui internet.

Semasa mengadakan majlis perkahwinan dan kenduri-kendara orang-orang Melayu Brunei KSK dan KABD mengamalkan

adat dan kepercayaan yang sama. Dalam majlis-majlis tersebut budaya kesepakatan begitu jelas kelihatan terutamanya ketika gotong-royong dijalankan. Bantuan tidak diberi hanya setakat tenaga, malah melibatkan wang ringgit dan barang-barang keperluan harian.

Kemakmuran ekonomi yang dikecapi orang-orang Melayu Brunei KSK yang terhasil daripada hubungan ekonomi dengan penduduk KABD telah mendorong mereka mengamalkan gaya hidup mewah. Selain itu, gaya hidup mewah juga disebabkan mereka tidak mempunyai budaya melabur wang ringgit kepada pembelian harta seperti rumah dan tanah. Sebaliknya mereka gemar melaburkan wang ringgit mereka kepada pembelian perkakas dan perhiasan rumah yang menunjukkan kemewahan.

Pada masa kini, tidak dapat dinafikan, orang-orang Melayu Brunei KSK telah menerima pengaruh gaya hidup mewah orang-orang Melayu Brunei KABD. Dalam hal-hal tertentu, pengaruh gaya hidup mewah tersebut dikuatkan lagi dengan cara hidup moden barat.

Kehidupan orang-orang Melayu Brunei KSK pada masa kini seolah-olah satu pertandingan menunjukkan kemewahan hidup masing-masing. Kemewahan hidup disimbolkan dengan memakai barang kemas yang keterlaluan pada tubuh kaum wanita dan pemilikan perabot mewah serta peralatan-peralatan elektrik yang menjadi kemegahan setiap orang yang memilikinya. Memakai barang kemas dan pakaian-pakaian yang berharga mahal lebih jelas kelihatan

semasa berlangsungnya sesebuah majlis perkahwinan. Amalan gaya hidup mewah adalah kerana ingin membuktikan kepada saudara-mara yang tinggal di KABD bahawa tinggal di daerah Limbang juga mampu untuk hidup mewah.

Gaya hidup mewah juga dapat dilihat dalam aspek hiburan di majlis-majlis perkahwinan. Pentas karaoke menjadi agenda hiburan yang sangat penting di majlis tersebut. Pertandingan karaoke disulami dengan riaksi anak-anak muda KSK dan juga anak-anak muda dari KABD yang bergaul bebas di antara lelaki dan perempuan. Galakkan terhadap budaya hiburan moden ini adalah disebabkan hadiah-hadiah lumayan yang ditawarkan oleh penganjurnya. Hadiah-hadiah lumayan juga ditawarkan dalam pertandingan cabutan bertuah. Selain itu, kegiatan anak-anak muda dalam permainan judi ketam turut dijadikan acara yang menyerikan lagi sesuatu majlis perkahwinan. Permainan ini walaupun diterima oleh kebanyakan orang Melayu Brunei KSK dan KABD, tetapi ini merupakan satu bentuk perjudian yang melibatkan wang ringgit dan ini diharamkan dalam Islam. Jelasnya hubungan sosial yang terjalin di antara orang-orang Melayu Brunei KSK dengan orang-orang Melayu Brunei KABD boleh mengarah kepada perkara kebaikan dan keburukan.

Hubungan yang terjalin di antara masyarakat yang mendiami kawasan sempadan merupakan satu perkara yang lumrah berlaku di kebanyakan negara Asia Tenggara. Ini dapat dilihat kepada masyarakat yang tinggal di sempadan Thai dan Semenanjung

Malaysia, sempadan Thai dan Laos, sempadan Semenanjung Malaysia dan Singapura, sempadan Brunei dan Sabah, sempadan Sarawak dan Kalimantan dan lain-lain lagi. Masyarakat yang menetap di kawasan-kawasan sempadan di atas bukan sahaja mempunyai banyak persamaan ciri-ciri budaya malah mereka juga mempunyai pertalian persaudaraan dan dalam masa yang sama menjalinkan hubungan ekonomi dua hala.

Bagi Negara Malaysia, hubungan baik di antara orang-orang Melayu Brunei di daerah Limbang dan Negara Brunei Darussalam harus dimanfaatkan sebaik mungkin untuk menggalakkan pembangunan Bandar Limbang yang merupakan bandar sempadan dan seterusnya dapat membawa masuk lebih banyak tukaran wang asing. Untuk itu, usaha membangun petempatan kampung-kampung air perlu bersifat menyeluruh mencakupi pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas; pembangunan ekonomi khususnya menggalakkan penduduk terlibat secara langsung dalam ekonomi berasaskan perniagaan, perikanan dan pertanian dengan memberi modal, kursus dan latihan; dan pembangunan sosial khususnya pendidikan. Ini merupakan satu cara yang baik untuk mengekalkan hubungan di atas seterusnya menarik lebih ramai lagi kemasukan orang-orang Melayu Brunei dari Negara Brunei Darussalam ke Bandar Limbang.

Petempatan kampung air KSK di daerah Limbang, Sarawak, jika diberi perhatian, dibangun dan dimajukan bersungguh-

sungguh berupaya untuk bangkit sebagai sebuah *aqua city*. Pembangunan dan perkembangan pesat *aqua city* seperti di Bandaraya Venice, Bangkok, Fukuoka dan Tokyo adalah contoh yang amat baik dalam usaha membangun dan memajukan KSK.

Bagi memajukan kampung-kampung air, strategi pembangunan yang dilakukan oleh perancang-perancang bandar dan pemaju-pemaju perumahan sama ada pihak kerajaan atau swasta perlu mengambil kira faktor ekonomi dan sosial sesebuah masyarakat kampung air itu. Perkara ini bertujuan supaya setiap projek yang dilaksanakan benar-benar dapat memberi manfaat kepada semua pihak dan dapat memelihara budaya dan nilai-nilai kemasyarakatan yang masih wujud di kalangan masyarakat kampung air tersebut.

Usaha membangun dan memajukan kampung-kampung air perlu dilaksanakan dengan segera agar ciri petempatan ini tidak lenyap daripada pandang darat daerah Limbang khususnya dan Negeri Sarawak amnya.